

28 AUG 1998

TIADA USUL JAWATAN PRESIDEN TIDAK DIPERTANDINGKAN

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Umno tidak menerima sebarang usul supaya jawatan presiden parti tidak dipertandingkan, walaupun hampir semua negeri telah memberi perakuan untuk mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir sebagai presiden pada pemilihan tahun depan, kata Setiausaha Agungnya Datuk Sabbaruddin Chik.

"Tiada usul diambil untuk menyekat pertandingan jawatan presiden setakat ini," katanya kepada pemberita selepas melancarkan "Showcase Malaysia" di sini hari ini.

Beliau yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berkata, sehingga kini semua negeri memberi sokongan kepada Dr Mahathir untuk mengekalkan jawatan presiden.

"Kalau setakat dia (Dr Mahathir) seorang calon bertanding... macam mana nak ada pertandingan, kerana nak bertanding pun tak boleh," katanya.

Sekiranya semua negeri hanya mencalonkan Dr Mahathir bagi jawatan presiden, parti tidak perlu membuat keputusan untuk mempertandingkan atau tidak jawatan berkenaan, katanya.

--BERNAMA

RZS RI